

19 FEB 1999

INCOFIRM-LUCERN

INCOFIRM GABUNG DENGAN LUCENT TECHNOLOGIES BAWA RANGKAIAN OPTIK GENTIAN KE SABAH

Oleh: Muammar Kamaruddin

KOTA KINABALU, 19 Feb (Bernama) -- Incofirm Communications Sdn Bhd hari ini menandatangani perjanjian untuk bergabung dengan Lucent Technologies (Malaysia) Sdn Bhd untuk membangunkan rangkaian optik gentian di Sabah, dikenali sebagai Sabah Duct System.

Mohd Yussof Nair, pengarah urusan Incofirm memberitahu Bernama selepas upacara menandatangani itu bahawa rangkaian 1200 km yang akan menelan belanja RM500 juta akan meliputi kawasan di dalam Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan dan Labuan.

Katanya pembangunan rangkaian itu akan dibuat dalam tiga fasa dan fasa pertama dijangka siap dalam masa sembilan bulan.

Incofirm telah diberikan konsesi 30 tahun oleh kerajaan negeri Sabah untuk membina rangkaian optik gentian itu berdasarkan bina, kendali dan pindah (BOT), tambah Mohd Yussof.

Sebaik sahaja prasarannya siap, talian rangkaian itu akan dipajak kepada pembekal perkhidmatan telakomunikasi dan multimedia.

Katanya: "Dengan rangkaian itu dibina oleh sebuah syarikat tunggal, orang ramai tidak akan dibebani dengan syarikat-syarikat mengorek jalan untuk membina rangkaian di sepanjang talian satu sama lain, dan mengakibatkan gangguan kepada lalulintas. Pembekal-pembekal perkhidmatan hanya perlu membeli kapasiti daripada Incofirm."

Penyiapan Sabah Duct System akan menyaksikan penubuhan prasarana telekomunikasi optik gentian canggih di Sabah yang akan menyokong kemajuan negeri ini di dalam zaman teknologi maklumat, tambah Mohd Yussof.

Pada upacara itu, Mohd Yussof mewakili Incofirm, manakala Lucent Technologies Malaysia diwakili oleh presidennya David Marinelli. Ia turut disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Menteri Sabah Tan Sri Bernard Dompok.

Marinelli berkata pada masa ini, syarikat itu sedang membuat reka bentuk dan kerja awal bagi fasa pertama rangkaian itu.

Bahagian pemasangan akan dibuat oleh kontraktor yang akan dilantik oleh Incofirm, kata Edmond Wei, pengarah urusan sistem kabel rangkaian Systems Asia/Pacific of Lucent Technologies Asia/Pacific Ltd.

Selain daripada mereka bentuk rangkaian itu, Mohd Yussof berkata Lucent akan juga membina kira-kira AS\$100 juta (AS\$1 = RM3.80) bagi pembangunan rangkaian itu.

Lucent Technolgies Malaysia adalah anggota Lucent Technologies Inc Amerika Syarikat, yang mereka bentuk, membina dan menghantar pelbagai jenis rangkaian awam dan swasta, sistem komunikasi dan perisian dan sistem jaringan data. -- BERNAMA

MK OS